



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 1 NOVEMBER 2020

#### **STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **972 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **22,220 kes** (68.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Pecahan kes yang telah pulih COVID-19 mengikut negeri adalah seperti berikut:

- Sabah (658 kes);
- Selangor (112 kes);
- Negeri Sembilan (91 kes);
- Kedah (41 kes);
- Wilayah Persekutuan Labuan (27 kes);
- Pulau Pinang (24 kes);
- Perak (10 kes);
- Melaka (5 kes);
- Terengganu (2 kes);
- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (1 kes); dan
- Pahang (1 kes).

## **STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**

Dimaklumkan pada hari ini, negeri Sabah mencatatkan jumlah sebanyak 644 kes (67.3 peratus). Manakala negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan 230 kes (24 peratus) daripada jumlah keseluruhan kes. Keempat-empat negeri ini telah menyumbang hampir keseluruhan kes iaitu sebanyak 874 kes (91.3 peratus) daripada jumlah harian kes positif COVID-19. Ini berikutan lebih banyak pengesanan kes di negeri-negeri tersebut susulan aktiviti di lapangan yang giat dijalankan termasuk pengesanan kontak rapat dan saringan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Plaza Hentian, Kajang yang mana melaporkan 91 kes baharu pada hari ini. Kesemua negeri-negeri ini masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Untuk makluman juga, sebanyak 80 kes (8.36 peratus daripada jumlah keseluruhan) berkaitan pusat tahanan sementara dan kluster-kluster penjara dilaporkan pada hari ini yang terdiri daripada Pusat Tahanan Sementara Tawau (54 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (14 kes), Kluster Penjara Kepayan (6 kes), Kluster Benteng LD (3 kes) dan Kluster Rumah Merah (3 kes).

Secara keseluruhannya, sehingga 1 November 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **957 kes baharu** telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **32,505 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 10,036 kes**.

Ingin dimaklumkan daripada 957 kes baharu pada hari ini, tiada **kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara**. Kesemua kes yang dilaporkan merupakan kes penularan COVID-19 dalam negara.

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 644 kes**

- 97 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 401 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 146 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 225 kes**

- 172 kes daripada kluster-kluster, termasuk 16 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Usaha**;
- 39 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 14 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang : 23 kes**

- 17 kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tembaga**; dan
- Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan : 18 kes**

- 13 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
- Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu : 15 kes** daripada kluster sedia ada.

- **Sarawak : 11 kes**

- Lima (5) kes daripada kluster sedia ada;
- Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan : Lapan (8) kes**
  - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Dua (2) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Perak : Lima (5) kes** daripada kluster sedia ada.
  
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : Empat (4) kes**
  - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada.
  
- **Kedah : Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.
  
- **Melaka : Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Johor : Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya : Satu (1) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

Sehingga kini, terdapat **97 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **27 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa tiada pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak 249 kes (0.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

## **DUA (2) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI**

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **dua (2) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

### **1. KLUSTER USAHA**

Kluster baharu ini melibatkan daerah Klang dan Petaling di negeri Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-30697) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 30 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 16 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

Sehingga 1 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 25 individu telah disaring, di mana:

- 17 kes dikesan positif COVID-19 (**16 kes baharu**);
- Lima (5) individu dikesan negatif; dan
- Tiga (3) individu masih menunggu keputusan.

### **2. KLUSTER TEMBAGA**

Kluster baharu ini melibatkan daerah Timur Laut dan Barat Daya di negeri Pulau Pinang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-29359) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI) pada 28 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak enam (6) lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang.

Sehingga 1 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 69 individu telah disaring, di mana:

- Tujuh (7) kes dikesan positif COVID-19 (**1 kes baharu**);

- 13 individu dikesan negatif; dan
- 49 individu masih menunggu keputusan.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bersejela (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Dapatkan rawatan segera jika bersejela;
  - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

1 November 2020 @ 5.30 petang.

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 1 NOVEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SABAH</b>	644	15,692
<b>SELANGOR</b>	225	4,925
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	4	3,048
<b>KEDAH</b>	1	2,125
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	8	1,615
<b>PULAU PINANG</b>	23	1,017
<b>JOHOR</b>	1	907
<b>SARAWAK</b>	11	892
<b>PERAK</b>	5	516
<b>W.P. LABUAN</b>	18	487
<b>PAHANG</b>	0	394
<b>MELAKA</b>	1	312
<b>TERENGGANU</b>	15	209
<b>KELANTAN</b>	0	180
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	1	148
<b>PERLIS</b>	0	38
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>957</b>	<b>32,505</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import



**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini  
(1 November 2020)**

	<b>Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah</b>	<b>Kes Baharu</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Jumlah Yang Disaring</b>	<b>Kes Aktif (Kes ICU)</b>	<b>Jumlah Sembuh</b>	<b>Jumlah Kematian</b>
1	Hentian	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan	Hulu Langat, Cheras, Titiwangsa, Putrajaya, Seremban	90	216	2,190	166 (0)	50	0
2	Bah Manggis	Sabah, Selangor, Negeri Sembilan	Tawau, Kuala Langat, Klang, Gombak, Seremban, Port Dickson	33	110	2,019	50 (0)	60	0
3	Basung	Sabah	Kudat	23	66	676	59 (0)	7	0
4	Makekar	Terengganu, Selangor	Kemaman, Dungun, Kuala Terengganu, Marang, Besut, Kuala Nerus, Klang	15	46	996	46 (0)	0	0
5	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	14	270	4,140	182 (1)	88	0
6	Mesra	Sabah	Sandakan	13	89	120	73 (0)	15	1

7	Saguking	WP Labuan	Labuan	12	243	3,345	200 (0)	42	1
8	Kaya	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Selangor	Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Lembah Pantai, Cheras, Kepong, Putrajaya, Melaka Tengah, Sepang, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	11	422	1,116	413 (0)	9	0
9	Kapor	Sabah	Kudat	11	58	218	58 (0)	0	0
10	Titir	Sabah	Keningau	10	105	1,834	101 (0)	4	0
11	Bayan	Pulau Pinang, Kedah, Perak	Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Bandar Baharu, Kubang Pasu, Kuala Muda, Kerian, Larut Matang & Selama	8	58	1,415	52 (2)	6	0
12	Ramai-Ramai	Sabah	Sandakan	7	274	797	105 (0)	169	0

13	Utama	Selangor, Melaka, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor, Alor Gajah, Lembah Pantai, Titiwangsa, Kepong, Cheras	7	243	1,198	49 (0)	194	0
14	Taman Laut	Selangor	Petaling	7	15	123	15 (0)	0	0
15	Penjara Kepayan	Sabah	Kota Kinabalu, Papar, Penampang	6	1,708	3,492	1,321 (0)	387	0
16	Keladi	Selangor	Klang	6	42	344	10 (0)	32	0
17	Greenhill	Sarawak	Kuching, Miri	5	47	320	47 (0)	0	0
18	Samudera	Sabah	Sandakan	5	17	108	11 (0)	6	0
19	Inai	Sabah	Kudat	4	62	119	27 (0)	35	0
20	Jalan Bomba	Sabah	Sandakan	4	49	323	18 (0)	29	2
21	Benteng LD	Sabah	Lahad Datu, Tawau, Sandakan, Kinabatangan, Tuaran	3	1,125	16,543	214 (0)	910	1

22	Rumah Merah	Sabah	Kota Kinabalu	3	171	408	171 (0)	0	0
23	Kertang	Sabah	Kota Belud	2	33	724	12 (0)	21	0
24	Taman Bunga	Negeri Sembilan	Seremban, Kuala Pilah, Jelebu	2	30	290	26 (0)	4	0
25	Kolong	Sabah	Keningau	2	18	321	8 (0)	10	0
26	Tujuh Serangkai	Sabah	Tuaran, Kota Kinabalu	1	383	3,808	136 (0)	245	2
27	Auto	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Klang, Kuala Langat, Sepang, Gombak, Hulu Langat, Kuala Selangor, Seremban, Titiwangsa, Putrajaya	1	118	1,173	47 (1)	71	0
28	Bah Tropicana	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Gombak, Klang, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong	1	60	784	19 (0)	41	0
29	Teduh	Sabah	Lahad Datu	1	45	2,554	30 (0)	15	0

30	Astaka	Selangor, Pahang	Petaling, Hulu Langat, Kuala Selangor, Maran	1	34	133	34 (0)	0	0
31	Sauh	Sabah, Sarawak	Kota Kinabalu, Papar, Miri, Daro	1	33	403	9 (0)	24	0
32	Megah	Sabah	Sandakan, Kota Kinabalu	1	29	65	15 (0)	13	1
33	Titian	WP Labuan	Labuan	1	13	530	13 (0)	0	0